



**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR
BIL.1 TAHUN 1999**

GELARAN RASMI DULI YANG MAHA MULIA BAGINDA TUANKU

1. Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku dan sebagaimana keputusan yang dibuat oleh Jumaah Majlis DiRaja Johor di dalam mesyuaratnya pada 1.6.1999, Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor di dalam mesyuaratnya pada 30.6.1999 dengan ini menetapkan bahawa gelaran rasmi Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku adalah seperti berikut: -

**Duli Yang Maha Mulia Baginda Al Mutawakkil Alillah
Sultan Iskandar Ibni AlMarhum Sultan Ismail, Sultan
Dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk
Johor Darul Ta'zim**

2. Gelaran rasmi penuh ini digunakan di Majlis-Majlis Istiadat DiRaja dan Majlis-Majlis Istiadat Kerajaan, sama ada untuk persembahan ucapan dan pada kad-kad jemputan serta buku-buku istiadat dan lain-lain.
3. Gelaran rasmi ini boleh diringkaskan kepada: -

**"Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Iskandar, Sultan
dan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk
Johor Darul Ta'zim**

atau

"Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor"

Gelaran ringkas ini boleh digunakan untuk Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan atau Majlis-Majlis Bukan-Kerajaan apabila tidak digunakan gelaran rasmi yang penuh.

4. Gelaran ringkas untuk pembukaan persembahan ucapan atau bersurat adalah seperti berikut: -

"Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku"

dan bagi sebutan seterusnya ialah: -

"Baginda Tuanku"

5. Pindaan-pindaan di atas adalah melibatkan hanya perenggan-perenggan 1.1 hingga 1.4. dalam Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil.1 Tahun 1989 yang dikeluarkan pada 25 Jun 1989. Perkara-perkara lain dibawah Pekeliling

tersebut adalah tidak berubah iaitu perenggan-perenggan 1.5 serta perenggan-perenggan 2 hingga 6.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

**(DATO' DR. HAJI SHAHIR BIN NASIR)
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR.**

BERTARIKH : 5.7.1999.